




# Bab 1: Maklumat Gambar Rangsangan



Gambaran pelukis tentang kesibukan pintu masuk Kota Melaka yang dikunjungi oleh pedagang asing dari seluruh dunia. Pada mulanya kuasa luar datang berdagang sahaja tetapi akhirnya mereka bertindak menyerang dan menguasai Melaka.



Gambaran pelukis tentang serangan penduduk tempatan ke atas kapal British di Borneo. Di pihak British, penduduk tempatan dianggap sebagai ancaman kepada kelancaran kegiatan perdagangan mereka. British telah menekan penduduk tempatan dan British menerima serangan balas penduduk tempatan.